



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	4/12/2019	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Buaya tersesat masuk kawasan pantai

Video reptilia itu berenang di pesisir pantai tular di media sosial

NOOR AINON
MOHAMED YUSOF

PARIT BUNTAR

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak mengesahkan seekor buaya tersesat memasuki kawasan pantai Ban Pecah, Kuala Kurau di sini.

Rakaman video reptilia itu berenang di pesisir pantai mula tular di media so-


sial sejak semalam telah menimbulkan kebimbangan kepada penduduk setempat.

Pengarahnya, Yusoff Shariff berkata, buaya tembaga atau nama saintifiknya, *Crocodylus porosus* dipercayai tersesat dari Sungai Kurau berhampiran.

"Kaji selidik pihak jabatan tahun ini sememangnya merekodkan beberapa ekor buaya jenis itu di sungai berkenaan.

"Kemungkinan besar buaya ini telah masuk ke kawasan pantai berikutan musim hujan yang mana paras air sungai naik selain faktor mencari makanan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya menasihatkan ramai



Kelihatan seekor buaya berenang di kawasan pesisir pantai yang dirakam penduduk setempat.

untuk berhati-hati dan tidak melakukan sebarang aktiviti termasuk mandi-manda di kawasan pantai.

"Penduduk juga diingatkan jangan sesekali cuba menangkap atau mencederakan serta melakukan provokasi terhadap

haiwan itu.

"Pihak Perhilitan akan terus memantau keadaan dan kami percaya buaya ini akan kembali ke habitat asalnya di Sungai Kurau apabila keadaan arus dan paras sungai kembali seperti biasa," katanya.